



## USWAH : GURU DAN TANZIM HARAKI

28 September 2022: USWAH siri pertama bagi pusingan ke-dua telah diisi oleh Ustaz Hasri Harun, Timbalan Presiden WADAH. Pengisian kali ini menjurus kepada tajuk Guru dan Tanzim Harakiy, menjadi pelengkap kepada proses mempersiapkan para guru sebagai petugas dakwah di samping proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah. Antara lain beliau menekankan asas pendidikan dan asas kerohanian dalam amalan ABIM;

Pengurusan Sekolah, Guru & Tanzim Haraki

Ustaz Hasri bin Harun

Timbalan Presiden Wadah Pusat &  
Ahli Lembaga Yayasan Takmir Pendidikan (YTP)

DAKWAH DALAM KONTEKS TANZIM HARAKI  
Hasri Harun

1. Asas Pendidikan - Sejak ABIM memulakan pendidikan baik TASKI, SERI, SEMI dan IIIT serta KDH, penekanan dilakukan berasaskan pendidikan sepadu. Pendidikan yang memberi penekanan kepada proses integrasi ilmu wahyu dan sekular. Pendidikan sepadu diperkenalkan di pendidikan ABIM sebagai alternatif kepada amalan pendidikan kebangsaan di awal 1970an. Adaptasi dalam sistem pendidikan kebangsaan selepas itu dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan Menengah. ABIM mengorak langkah ke hadapan lagi apabila menggagaskan konsep dan amalan pendidikan al-Hikmah dengan memberi focus kepada pembinaan karakter.

2. Asas Kerohanian – Pendidikan dakwah dan harakah dari perspektif ABIM diaplikasikan kepada seluruh ahli dalam usaha memantapkan petugas dakwah, menjadi bekal individu ahli berhadapan dengan umat. Untuk mencapai tujuan di atas beberapa inisiatif dilaksanakan;

- Inisiatif dakwah bukan kerja individu tetapi secara harakah
- Membawa misi dakwah umat
- Merencana program pembangunan insan
- Mengerakkan agenda pemerkasaan akhlak.
- Menjana kegiatan dakwah melalui pendidikan

Gabungan asas pendidikan dan asas kerohanian ini menatijahkan cita-cita bersama untuk melaksanakan misi sekolah perjuangan yang antara lain menampilkannya ciri-ciri berikut;

- Madrasah harakah yang menempatkan anak-anak ahli dalam usaha menyediakan generasi pelapis
- Memberi fokus kepada pendidikan umat yang mampu melahirkan insan kamil dan generasi Rabbaniy
- Pembentukan akhlak pelajar yang mapan dengan peribadi contoh
- Memiliki sejumlah guru yang berkualiti dan menjadi khudwah hasanah
- Memiliki hala tuju yang jelas

Proses pendidikan di sekolah ABIM sewajarkan menjadi mata rantai dakwah dan perjuangan Rasulullah. Justeru itu penekanan amal jama'iy dan tanzim harakiy mestilah terangkum dalam pengurusan dan amalan di bilik darjah dan luar bilik darjah, tercerna dalam perancangan dan struktur pentadbirannya.

bersambung ke mukasurat 2

Dari Meja Editor

## PEMBENTUKAN INSAN YANG UMMATIK

Presiden WADAH Dato' Ahmad Azam bin Abd Rahman semasa merasmikan Program Nadwah Qiyadah anjuran YTP pada pagi 3 September 2022 telah menegaskan tentang perlunya pembinaan insan yang ummatik melalui proses pendidikan di sekolah-sekolah ABIM. Beliau juga telah menyentuh tentang pentingnya program seperti ini diadakan yang bertujuan untuk mencipta kebangkitan baharu umat Islam dengan membina khalifah Allah kerana kita telah hampir 100 tahun ketiadaan khalifah Islam iaitu sejak kejatuhan kerajaan Othmaniah di Turki tahun 1923. Semenjak itu negara-negara umat Islam telah berpecah belah akibatnya negara-negara Islam telah dijajah oleh penjajah barat. Umat Islam menjadi terus lemah dan tiada ketua untuk menyatukan dan membantu negara-negara Islam daripada dilakukan sewenang-wenangnya oleh penjajah yang anti Islam. Oleh itu umat Islam perlu bangun semula bagi membela nasib umat Islam agar pemikirannya tidak terus terbelenggu oleh pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Ujar beliau 'umat Islam akan memperingati 100 tahun dunia tanpa khalifah pada tahun 2023.

Golongan penjajah British telah memperbodohkan orang Islam bermula di Turki dengan mencabut roh Al Quran dari diri anak-anak muda. Mereka tidak dibenarkan membaca Al Quran dan mengamalkan panduan Al Quran. Kesannya ialah anak muda buta mengenai Islam, buta sejarah dan berfahaman bahawa hidup untuk keduniaan sahaja dan mementingkan kerjaya hidup sahaja (career oriented). Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Turki malah di seluruh dunia Islam termasuk Negara Malaysia.

Di atas kesedaran dan masalah yang menimpa umat Islam khususnya di Malaysia maka ABIM telah ditubuhkan sebagai sebuah badan bukan kerajaan(NGO) yang melaksanakan usaha-usaha dakwah dan sebagai sebuah gerakan Islam. ABIM telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1971, dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan pada 17 Ogos 1972 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Visi ABIM ialah membina dan memimpin Tamadun Khaira Ummah dan misinya ialah Gerakan Islam yang komprehensif untuk merialisasikan cita-cita Islamiyyah.

ABIM merupakan sebuah gerakan bertunjangkan ilmu dan memilih untuk mengambil sikap terbuka serta sederhana berdasarkan reality masyarakat setempat di samping memegang prinsip-prinsip Islam serta kesepadan ilmu, iman dan amal dalam rangka pembangunan manusia. Bagi merialisasikan visi dan misi ABIM di antara program utama yang dilaksanakan ialah program pendidikan dengan menubuhkan sekolah-sekolah dari peringkat pra sekolah (TASKI), SERI, SEMI sehingga ke peringkat kolej. Tegas Dato' Ahmad Azam "sekolah ABIM ditubuhkan untuk membina pejuang Islam yang dapat mengembalikan khilafah Islamiyah di bumi ini". Kebangkitan yang dimaksudkan ialah kebangkitan secara berjemaah bukan secara perseorangan. Oleh itu program-program yang berbentuk haraki hendaklah di adakan di semua sekolah ABIM supaya pelajar-pelajar yang keluar nanti bukan mereka berjaya dalam sesuatu kerjaya tetapi mempunyai sifat-sifat ummatik yang memperjuangkan nasib umat Islam di mana sahaja mereka berada. Untuk itu dalam tanzim haraki mestilah melalui 3 komponen iaitu usrah, tamrin dan muktamar. Setiap sekolah SERI dan SEMI hendaklah mengadakan program usrah untuk guru-guru dan para pelajar. Dengan ini diharapkan lebih ramai alumni SERI dan SEMI akan menjadi insan yang ummatik.

Hj. Samian Mohd Ali

Kenapa sekolah perjuangan ABIM perlu pendekatan tanzim haraki? Jawapannya mudah tetapi amalannya belum tentu mudah.

### 1. Bangunkan bi'ah berdasarkan tanzim

- Kepimpinan Tauladan – boleh diaplิกasikan melalui pendekatan mesyuarah, komunikasi berkesan, misi yang jelas, peransangka positif, transformasi dan kepimpinan penyayang.
- Persekutuan yang baik – Hubungan guru pelajar mesra, berlaku komunikasi sempurna, suasana pembelajaran kondusif dan aktiviti yang membangun jiwa dan minda
- Pendidik berjiwa murabbi – menjawai konsep memanusiakan manusia melalui pendekatan murabbi, muaddib, mualim dan mursyid
- Pelajar dan soleh dan solehah – mencirikan adab Qur'aniy dan akhlak harakiy

### 2. Ketaatan kepada pimpinan – patuh arahan yang diputuskan di peringkat pusat berdasarkan syura.

#### Kepentingan Tanzim

- Faktor kejayaan kepada Jemaah
- Kekuatan Jemaah dalam gerak kerja dakwah
- Mengumpulkan kemahiran dan pemikiran dakwah secara kolektif
- Mengurangkan kesusahan secara bersama
- Menguatkan hubungan sosial
- Sentiasa dalam keredhaan Allah

#### Faktor kegagalan Tanzim di sekolah

- Hala tuju sekolah diabaikan
- Sikap acuh tak acuh dengan peraturan yang menggambarkan disiplin diri longgar
- Wujud kepimpinan tidak sealiran dan kecenderungan berat sebelah
- Hilangnya kepercayaan kepada pemimpin oleh sebahagian warga sekolah
- Guru tidak patuhi arahan dan memiliki sikap negative

Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil

### Sidang Redaksi

<b>Penasihat</b> Hj. Mohd Musleh Yunos	<b>Penerbit</b> Yayasan Takmir Pendidikan No.21 Jalan 7/1B, Seksyen 7, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
<b>Ketua Editor</b> Hj. Samian Mohd Ali	
<b>Timb. Editor</b> Hj. Mohamad Khailani Jalil	<b>Emel</b> yayasantakmir@gmail.com
<b>Editor Kerja</b> Hj. Mohd Naim Mohd Nor Hjh. Nur Jannah Keman Suhaili Hussin Khairani Thanin Che Abd. Fatah Che M. Nor Syahirah Zamasy Norhassikin Ismail	<b>Website</b> www.yayasantakmirpendidikan.com
	<b>Telefon</b> 03-89265853 / 03-89202308
<b>Susunatur Grafik</b> Khairul Anuar M. Ariffin	

# BELASUNGKAWA



Ketua Pengarah Pelajaran tahun 1993 hingga 1997, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Noordin meninggal dunia pada pagi 16 September 2022 di rumahnya di Kampung Tunku di sini berikutan sakit tua.

Tan Sri Wan Mohd Zahid Noordin merupakan tokoh yang telah berjasa besar dalam memartabatkan pendidikan negara dengan jolokan tokoh pembaharuan pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengangkat beliau sebagai tokoh kepimpinan pendidikan pada 2007. Selepas persaraannya, Tan Sri pernah menjadi Penggerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan, Pro Censelor UiTM, Penggerusi Lembaga Pengarahan Universiti Sultan Idris (2016-2019), Penggerusi Lembaga Pengarahan Universiti Sultan Azlan Shah (2019-021) dan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.

Wan Mohd. Zahid, 82, semasa hayatnya juga dilantik sebagai Penggerusi SP Setia Berhad di samping diberi mandat selaku pengarah kepada beberapa institusi besar seperti Sime Darby Berhad, Amanah Mutual Berhad, Amanah Saham Nasional Berhad dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad. Beliau turut dilantik ahli majlis Yayasan Sime Darby dari tahun 2008 hingga 2021.

Wan Mohd. Zahid juga menyertai Kriket Melayu sebagai naib yang dipertua atas undangan Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid pada 31 Mac 2009 sewaktu rombakan kepemimpinan persatuan selepas kemangkatan Tuanku Ja'afar Tuanku Rahman akhir tahun 2008. Tuanku Ja'afar merupakan Yang Dipertua Kriket Melayu manakala Ahmad Sarji sebagai timbalan baginda sehingga tahun 2008.

Jenazah diuruskan di Masjid Kampung Tunku dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kota Damansara. Seluruh warga pendidik khususnya warga Yayasan Takmir Pendidikan mengucapkan takziah buat Puan Seri dan ahli keluarga allahyarham.

Laporan : Hj. Khailani Abd. Jalil

## MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MISSAK KALI KE-XXI, 2022 SERI SEMI ABIM

19 September 2022, bertempat di SERI Seremban telah berlangsungnya suatu Mesyuarat Akhir dalam kalangan Jawatankuasa Teknikal (GPK KOKO dan Setiausaha Sukan) bagi Majlis Ihtifal Sukan Sekolah-Sekolah ABIM Kebangsaan (MISSAK-YTP) kali ke-XXI bagi tahun 2022 secara bersempena. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohd Musleh b. Yunos selaku penggerusi jawatankuasa induk dan telah dihadiri seramai 60 orang guru dari SERI dan SEMI ABIM.

Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SERI Seremban, Tn. Hj. Khalil bin Jali. Mereka telah menyatakan hasrat yang sama di dalam ucapan mereka agar MISSAK-YTP kali ke-XXI dapat berjalan dengan lancar dan dapat menjadi pemangkin ke arah kejayaan yang lebih cemerlang dalam institusi pendidikan ABIM.



Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menerangkan Peraturan Tetap dan Peraturan Am yang telah dipinda dan disahkan oleh Majlis Pengurusan Yayasan Takmir Pendidikan (MPYTP). Peraturan Tetap dan Peraturan Am telah dibentangkan oleh Pn. Hjh. Nur Jannah Keman selaku setiausaha induk MISSAK XXI. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Pegawai Teknik dan Pembangunan Sukan (PTPS) bagi setiap acara permainan. Seramai 12 orang PTPS yang akan terlibat dengan MISSAK-YTP dan mereka telah menjelaskan beberapa peraturan permainan yang harus diputuskan dan diambil maklum oleh semua pihak. Antara acara permainan yang telah diberi taklimat oleh PTPS ialah, Taekwondo, Olahraga, Badminton, Ping Pong, Bola Tampar dan Bola Jaring.

Mesyuarat ini juga telah dapat memutuskan undian sekolah-sekolah bagi setiap acara permainan yang telah diuruskan oleh GPK KOKO SERI Seremban En. Muhammad Fitri bin Baharudin bagi Sekolah Rendah dan GPK KOKO SEMI Seremban Pn. Najihah binti Abu Talib bagi Sekolah Menengah. Cabutan undian telah berlangsung secara adil dan telah dipersetujui oleh semua pihak tanpa sebarang bantahan.

Lawatan tapak ke tempat-tempat pertandingan MISSAK XXI oleh semua ahli mesyuarat telah dibuat disebelah petang. Antara tempat-tempat yang telah ditetapkan adalah Stadium Tuanku Abdul Rahman Seremban, Centre Court Seremban, Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Kompleks Sukan Tan Sri Dato Hj Mohd Said, Seremban 2 Football Club Training Centre dan SMK Seri Pagi.

Mesyuarat berakhir pada jam 6.30 petang di SERI Seremban sebagai lawatan tapak terakhir bagi acara Taekwondo dan Catur, serta lawatan ke kelas-kelas untuk penempatan penginapan semua kontinen.

Laporan: Syahirah Zamasry

# **MAJLIS KONVOKESYEN YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN KE-9**



Bangi - Majlis Konvokesyen Yayasan Takmir Pendidikan Ke-9 telah diadakan pada 27 Ogos 2022 di Hotel Tenera, Bangi, Selangor. Majlis Konvokesyen ini adalah untuk meraikan peserta Kursus Asas Perguruan (KAP) Al-Hikmah yang telah menamatkan pengajian selama satu tahun setengah. KAP Al-Hikmah merupakan mod ke-dua asas ihtisas rasmi guru-guru baharu SERI, SEMI, SRI Kafa dan TASKI ABIM bagi semua rangkaian institusi YTP iaitu SERI/SEMI/TAHFIZ/TASKI ABIM. KAP Mod 2 ini dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri di mana setiap siri dijalankan tiga hari secara maya dan bersemuka bermula Mac 2021.

Kursus tiga siri ini mengambil masa 56 jam kuliah yang merangkumi subjek Falsafah Pendidikan, Psikologi Pendidikan, Pedagogi, Kurikulum (KSPK/DSKP), Pentaksiran Bilik Darjah, Teknologi Pendidikan & ICT, Pentaksiran, Kompetensi Pendidikan Al-Hikmah dan praktikum sebulan. Penilaian kursus dilaksanakan melalui perbengkelan, pembentangan tugas (assingment) dan latihan praktikum.

Kumpulan pertama ini telah berjaya dilaksanakan KAP al-Hikmah pada 30 Mac - 1 April 2021 (siri 1), 8 - 10 Jun 2021 (Siri 2) dan 13 - 15 Disember 2021 (Siri 3). Seramai 95 orang peserta yang menyertai kursus ini. Kedua-dua siri diadakan secara maya disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda negara. KAP al-Hikmah siri ke-tiga diadakan secara bersemuka di Bangi Guest House. Peserta yang mengikuti tiga siri telah menjalani praktikum di sekolah masing-masing selama satu bulan bermula pada Februari 2022 sehingga Julai 2022. Pensyarah yang terlibat Kump. pertama ini adalah Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos, Tn. Hj. Mohamad Abu Daud, Dr. Abd. Khahar b. Saprani, Tn. Hj. Ishak b. Ali Shah dan Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman. Matlamat KAP al-Hikmah adalah (i). Memastikan guru-guru mendapat ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam konteks keguruan, (ii). Memberi kefahaman tentang pendidikan karakter al-Hikmah, (iii). Melahirkan guru yang berwibawa dan berketrampilan, (iv). Sanggup menangani isu-isu pendidikan dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan (iv). Guru dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab membina generasi muda Islam sebagai generasi *khayra ummah*.

Seramai 120 orang guru iaitu (36 orang peserta KAP al-Hikmah telah dianugerahkan Sijil Perguruan YTP) dan 84 guru TASKI (penghargaan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3) di Majlis Kovokesyen tersebut. Majlis Konvokesyen berprestij ini disampaikan ucaputama dan penganugerahan sijil oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos (Ketua Pengarah, Yayasan Takmir Pendidikan) dan diserikan ucapan aluan oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman selaku Pengarah Latihan & Modal Insan YTP merangkap Pengarah Konvokesyen. Seramai 300 orang yang hadir termasuk semua Pengarah YTP, wakil ahli majlis MPYTP, suami/isteri dan ibu bapa turut memeriahkan majlis ini.

Antara kandungan ucaputama Ketua Pengarah YTP adalah:

- i. Para guru harus terus meningkatkan profesionalisme keguruan mereka, khususnya dalam bidang iktisas keguruan dengan melanjutkan pengajian ke peringkat yang tertinggi dari semasa ke semasa supaya meningkatkan ilmu dan kemahiran agar pengajaran guru terus relevan dan berkesan.
- ii. Tampil sebagai murabbi unggul dan sentiasa menjadi *role model* kepada murid dan masyarakat dalam menyuburkan peribadi luhur ulul albab.
- iii. Para guru dan murabbi adalah golongan yang paling berautoriti memimpin generasi penyusul ini dijajarkan untuk mendapat asuhan, bimbingan, dan tuntunan terbaik melalui agenda tarbiyah sepdua dan teratur untuk melahirkan generasi kyara ummah dan ulul albab.

iv. Untuk melahirkan generasi ulul-albab iaitu ilmuan yang intelektual merupakan golongan orang-orang yang berakal, cerdik dan pintar serta sentiasa takut kepada Allah tentunya memerlukan seorang murabbi atau pendidik yang berketerampilan. Ulul albab ini dirumus sebagai manusia yang berjiwa sihat dan berakal sempurna.

v. Guru perlu memiliki bekal ilmu dan kemahiran yang tuntas kerana generasi ulul albab adalah para ilmuan yang akan menjadikan ilmu pengetahuan yang dimilikinya sebagai alat untuk mencari kurniaan Allah yang sebanyak-banyaknya (kyairan katsiran) untuk kebaikan dan kemakmuran umat manusia sejagat.

vi. Guru harus sentiasa berdaya usaha menjadi pembimbing dan pendorong kepada para syabab / pemuda / pelajar melebarluaskan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk membimbing, membina dan memimpin masyarakat sesuai dengan ciri ulul-albab yang diungkapkan dalam al-Quran dalam surah Ali Imran ayat 190-191.

vii. Tiga Kriteria Ulul albab sebagai katalis perubahan iaitu manusia yang sentiasa meletakkan Allah, Rasulullah dan ajaran Islam di dalam hatinya yang paling dalam;

a. Ahli Zikir : Berzikir (berdiri, duduk dan berbaring) dalam segala kondisi dan sentiasa menghubungkan jiwa dengan Allah.

b. Ahli Fikir : Selalu memikirkan penciptaan bumi dengan berfikir secara rasional

c. Ahli Ikhtiar : Berdoa dan berikhtiar secara maksima.

Natijahnya ciri ini akan menjadi asas bagi orang yang bertakwa, cerdas dan berketerampilan. Terdorong menjadi orang sensitif, kreatif dan produkif serta memiliki deria rasa dan rasional yang terpadu.

viii. Guru harus berkeupayaan menggerakkan tiga unsur penting dalam diri murid iaitu kekuatan otot, otak dan hati supaya lahir generasi yang mampu bekerja keras, berotak cerdas dan kerjanya ikhlas.

"Kerja pakai otot hasilnya secukupnya, kerja pakai otak hasilnya lebih luas dan kerja pakai hati hasilnya tidak terbatas."

Generasi yang menyepadukan ciri-ciri ini mampu mendepani cabaran getir masa kini dan masa hadapan dalam kemelut krisis moral, sosio politik dan kemerosotan ekonomi, kemiskinan sejagat serta persengketaan berpanjangan.

ix. YTP memerlukan murabbi yang setiasa dinamik dan mengutamakan perkembangan budaya ilmu. Melaksanakan perkongsian profesional melalui komuniti pembelajaran profesional (PLC) dan perkongsian pembelajaran profesional (Profesional learning sharing) dengan menyemarakkan jaringan profesional dalam kalangan pendidik setempat dan luar lingkungan. Hasrat ini sejajar dengan usaha menatar dan membumikan penghayatan amalan nilai-nilai al-Hikmah dengan mengutamakan pembelajaran murid (student learning) dengan pelbagai strategi dalam naratif baru pendidikan dan bukannya fokus pengajaran guru yang menjadi amalan tradisi, iaitu melalui usaha-usaha peningkatan kualiti dan inovasi pengajaran dan pembelajaran bagi menjamin kemenjadian dan keberhasilan murid.

x. Dengan semangat nahlah (kebangkitan) harus dinyalakan obor semangat kental para guru untuk menghasilkan model-model pengajaran contoh yang merupakan amalan terbaik hasil kolaborasi, pengurusan sekolah guru-guru, murid-murid dan waris serta komuniti bagi mengisi khazanah pendidikan berkualiti.

xi. Semoga kejayaan para guru menyempurnakan Kursus Asas Perguruan (KAP) dan Kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM3) mudah-mudahan kualiti pengajaran akan lebih meningkat dan matujahkan keberhasilan yang maksimum sebagai guru yang berikhtisas. Bangkit sederap dan sepakat melalui program ISLAH sekolah untuk mengembalikan legasi kecemerlangan pendidikan yang menjadi tunggak dan mercu tanda keunggulan ABIM dengan misi unggul dakwah dan tarbiyah serta mampu mencipta masa hadapan pendidikan jamaah yang lebih gemilang. Moga Allah memberkati segala usaha dan ikhtiar kita menghasilkan generasi Rabbani tuntutan ilahi.

Kump. ke-dua KAP Al-Hikmah sedang menjalani kursus bermula 8 Mac-10 April 2022 (siri 1) dan 7-9 Jun 2022 (Siri 2) seramai 111 orang guru SERI/SEMI/SRI Kafa dan TASKI ABIM. Kursus siri ke tiga dijadualkan pada 13-15 Disember 2022 secara bersemuka.



# MESYUARAT MPYTP

Majlis Pengurusan YTP (MPYTP) telah diadakan pada 15 September 2022 secara maya. Mesyuarat ini dihadiri 50 orang iaitu para Pengarah YTP, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua dan Guru Besar SERI dan SEMI seluruh Malaysia. Amanat Tn. Hj. Mohd Musleh b. Yunos, Ketua Pengarah, YTP, adalah:

i. Kepimpinan Jamaah menuntut kita melakukan nahdah (kebangkitan) untuk melahirkan generasi ulul-albab iaitu generasi ilmuan dan intelektual unggul yang bercirikan orang-orang yang berakal, cerdik dan pintar serta sentiasa takut kepada Allah. Ulul-albab ini dirumus sebagai manusia yang berjiwa sihat dan berakal sempurna serta berkarsma.



ii. Kita memerlukan seorang murabbi atau pendidik yang cukup berketerampilan untuk menyempurnakan misi ini. Justeru itu guru perlu memiliki bekal ilmu dan kemahiran yang tuntas kerana generasi ulul-albab yang ingin kita tampilkan adalah para ilmuan yang akan menjadikan ilmu pengetahuan yang dimiliki sebagai alat untuk mencari kurniaan Allah yang sebanyak-banyaknya (khairan katsiran) untuk kebaikan dan kemakmuran umat manusia sejagat.

iii. Kepimpinan sekolah dan guru harus sentiasa berdaya usaha menjadi pembimbing dan pendorong kepada para pelajar melebarluaskan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk membimbing, membina dan memimpin diri, keluarga dan masyarakat.

iv. Usaha untuk menarar dan membumikan penghayatan amalan nilai-nilai al-hikmah dengan mengutamakan pembelajaran murid (*student learning*) dengan pelbagai strategi dalam naratif baharu pendidikan dan bukannya pengajaran fokus guru yang menjadi amalan tradisi, iaitu melalui usaha-usaha peningkatan kualiti dan inovasi pengajaran dan pembelajaran bagi menjamin kemenjadian dan keberhasilan murid.

v. Menuntut kebijaksanaan pengurusan sekolah terus menggerakkan pelbagai inisiatif dan memberi sokongan serta dorongan kepada guru meningkatkan pembangunan profesionalisme masing-masing supaya amalan pdp mereka terus relevan dalam zaman yang pantas berubah.

Antara agenda mesyuarat kali ini adalah MISSAK Kali Ke-XX1, program Nadwah Qiyadah pelajar sekolah rendah dan menengah, pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD) SPRA, Kursus Latihan Perguruan, pengurusan, kewangan dan laporan progres Program Islah Sekolah (PIS25) yang dilaksanakan di sekolah.

Mesyuarat Majlis Ihtifal Sukan SERI SEMI Peringkat Kebangsaan (MISSAK-YTP) Kali Ke-XX1 pada 19 Mei 2022 bersetuju MISSAK Ke-XX1 akan diadakan secara fizikal dan SERI/SEMI Seremban sebagai tuan rumah setelah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membenarkan aktiviti sukan secara fizikal. Beberapa mesyuarat MISSAK-YTP diadakan iaitu pada 15 Jun 2022, 21 Jun 2022 dan 5 Julai 2022 untuk membincangkan berkaitan MISSAK-YTP seperti jadual pertandingan, yuran, penginapan, semakan post mortem MISSAK Ke-18, sumbangan komitmen sekolah, hadiah dan pakaian rasmi induk. Mesyuarat JK Teknikal pula melibatkan Guru Penolong Kanan (GPK) dan Setiausaha Ko-Kurikulum pada 29 Jun 2022 untuk menyelaras pelaksanaan di peringkat sekolah dan melihat semula Peraturan Pertandingan mengikut MSSM, penyertaan peserta dan lain-lain lagi. Mesyuarat pada 19-20 Julai 2022 menentukan acara-acara yang dipertandingkan seperti bola sepak, bola jaring, futsal, olahraga, badminton, sepak takraw, memanah, berenang, bola tampar, ping pong dan catur. Acara tae-kwando hanya kategori sparring sahaja.

Pemurnian Peraturan Tetap dan Peraturan Am MISSAK-YTP dan IKSA-YTP telah diadakan pada 11 Ogos 2022 di Yayasan Takmir Pendidikan. Beberapa panel telah dilantik untuk melihat semula peraturan ini yang perlu dipinda dan diubahsuai. Peraturan Tetap dan Am MISSAK-YTP dan IKSA-YTP telah diluluskan oleh MPYTP pada 14 September 2022.

Mesyuarat final touch JK Teknikal MISSAK yang melibatkan GPK Koko, SU Koko dan Pengurus Teknikal, JPN (KPM) telah diadakan pada 19 September 2022 di SERI Seremban. Selain daripada memperjelas Peraturan Tetap dan Peraturan Am MISSAK-YTP dan IKSA-YTP, telah diadakan undian acara dan lawatan tapak pertandingan. MISSAK Kali Ke-XX1 akan dilaksanakan pada 21-24 Oktober 2022.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

# MAJLIS PENGHARGAAN ALP YTP 2021 - 2022



Majlis Penghargaan Ahli Lembaga YTP pada 24 September 2022 di Restoren Arabian House, Bangi. Seramai 30 orang yang hadir. Mantan Pengerusi ALP, Dr. Radin Muhd. Imanuddin b. Radin Abdul Halim, memberi ucapan terima kasih kepada pihak YTP dan Majlis Syura Kebangsaan di atas kepercayaan

kepada beliau memberi amanah sebagai Pengerusi ALP (sesi 2021-2022) dan juga mengucapkan terima kasih kepada ALP yang telah memberikan kerjasama yang baik di dalam menjayakan visi dan misi YTP dalam menjayakan Pendidikan Al-Hikmah. Disamping itu beliau juga memohon maaf di atas kekurangan dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Antara ALP yang hadir adalah Pn. Adibah Ahmad, Pn. Badariah Ismail, Hj. Khairuddin Abas, En. Muhd. Aliemran Norasid dan Sdr. Lutfil Hadi b. Rosli.



Pada masa yang sama majlis meraikan ALP yang baharu untuk sesi 2022-2025, iaitu Dato' Dr. Amin Senin (Mantan Ketua Pengarah, KPM) sebagai Pengerusi dan 5 orang ALP iaitu Timb. Pengerusi, Ahmad Fawwaz b Ahmad Shukri (PSUA ABIM), Setiausaha, Hj Mohd. Musleh b. Yunos YTP (Ketua Pengarah), Ust. Hasri Harun (wakil WADAH), Mohamad Safwandi b. Suaidi dan Muhamad Nazmi b. Ab Rahim. Penyampaian cenderamata YTP kepada mantan ALP disampaikan oleh Hj Mohd. Musleh b. Yunos. Semua Pengarah-pengarah YTP hadir meraikan majlis ini.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

## DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK KDH

Kolej Dar al-Hikmah (KDH) adalah sebuah Institut Pengajian Tinggi swasta yang dimiliki oleh Bina Ilmu Sdn Bhd. Ia di asaskan pada tahun 1989 sebagai Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam (IPII) dan kemudian dijenamakan semula kepada Kolej Dar al-Hikmah pada 2002. Kampus KDH terletak di Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor.

KDH menawarkan beberapa program diploma iaitu Diploma Perakaunan, Diploma Muamalat, Diploma Psikologi, Diploma Kaunseling, Diploma Perguruan Prasekolah, Diploma Pengajian Syariah dan Diploma Usuluddin. Semua program yang ditawarkan memenuhi piawaian dan mendapat akreditasi daripada pihak MQA.

Objektif Diploma Perguruan Prasekolah ini adalah untuk membina para pelajar yang menguasai ilmu pendidikan awal kanak-kanak yang luas serta mampu menyuburkan potensi dan kemahiran kanak-kanak dalam aspek fizikal, kognitif, emosi, dan pengamalan nilai-nilai murni. Selain itu program ini juga mampu menyediakan graduan yang berketrampilan sebagai pendidik dan warga kerja yang berkemahiran dalam memenuhi peranan mengajar, mendidik, mengasuh, memimpin, membentuk watak kanak-kanak serta mengurus institusi pendidikan awal kanak-kanak dengan berkesan.

**DAFTAR SEKARANG!**

**AMBILAN DIBUKA 2022**

**SYARAT KEMASUKAN SPM 3 KREDIT SAHAJA!**

**DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**  
(R/143/4/0120)

**DIPLOMA KAUNSELING**  
(R/2762/4/0048)

**DIPLOMA PSIKOLOGI**  
(R/2/311/4/0059)

**DIPLOMA PENGAJIAN SYARIAH**  
(R/2/221/4/0164)

**DIPLOMA USULUDDIN**  
(R/2/221/4/0163)

**DIPLOMA MUAMALAT**  
(R/345/4/0772)

**DIPLOMA PERAKAUNAN**  
(R/2/344/4/0397)

**Jom rebut peluang terbaik ini untuk 200 pemohon terawal!!!**

- ✓ Program Diploma Diiktiraf MQA
- ✓ Potongan Yuran sehingga 50%
- ✓ Yuran Pendaftaran RM 150
- ✓ Tajaan makan & penginapan bagi yang berkelayakan
- ✓ Pembayaran Pendidikan disediakan
- ✓ Peluang Kerjaya Sepanjang Tempoh Belajar & Tamat Belajar
- ✓ Peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara
- ✓ Percuma pengajian kursus pendek
  - Sijil Maqasid Shariah
  - Sijil Istibat
  - Sijil Eksekutif Halal
  - Sijil Asy'aitrah

**Kolej Dar al-Hikmah,  
Sg Ramal Dalam,  
43000 Kajang, Selangor**

**Maklumat lanjut hubungi:**  
Pn. Nadzirah: 012-435 6207  
Pn. Siti Hawa: 013-2446874

**www.hikmah.edu.my** **kolejdaral-hikmah**

# AKTIVITI TASKI



## SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA

Tanggal 31 Ogos adalah tarikh tetap sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia jatuh pada tarikh 16 September. Kebiasaan semula semua TASKI seluruh Malaysia akan menyambut meriah hari tersebut dengan mengadakan pertandingan baju beragam merdeka pada Hari Kemerdekaan dan pertandingan baju tradisional Malaysia pada sambutan Hari Malaysia.

Sambutan Hari Kemerdekaan atau Kebangsaan serta Hari Malaysia pada tahun 2022 adalah bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama seperti diumumkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa pada 1 Julai 2022. Penetapan Keluarga Malaysia Teguh Bersama sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan ke 65 dan Hari Malaysia ke 59 tahun 2022 bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia mengharungi cabaran dan dugaan wabak Covid-19 yang melanda negara.

Laporan : Khairani Thanin



## SUMBANGAN KOMPUTER RIBA DARIPADA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)



Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) telah menerima 15 buah komputer pada 27 September 2022 yang disumbangkan kepada ABIM oleh pihak Majlis Keselamatan Negara melalui ABIM. Sumbangan ini adalah untuk kegunaan TASKI yang memerlukan. Beberapa buah TASKI telah dikenal pasti layak menerima dan akan diserahkan dalam waktu terdekat ini.

Semua komputer tersebut telah diserahkan oleh Sdra. Ahmad Fawwaz Bin Ahmad Shukri, Penolong Setiausaha Agung ABIM kepada Pn. Khairani binti Thanin, Timbalan Pengarah TASKI sebagai wakil penerima pihak YTP di pejabat YTP.

Laporan : Khairani Thanin

# AKTIVITI TASKI



## MESYUARAT YTP BERSAMA TASKI KAJANG



Pada 15 September 2022 telah diadakan mesyuarat Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) bersama pengurusan TASKI Kajang bagi mengeratkan silaturrahim dan memperkenalkan barisan pimpinan terbaru TASKI Kajang serta membincangkan isu-isu berkaitan halatuju TASKI Kajang dalam mendepani cabaran mendatang. Perjumpaan ini diwakili oleh Tn. Hj. Ishak Alishah selaku pengerusi mesyuarat, Pn. Khairani Thanin, Pn. Syahirah Zamasry dan Cik Norhassikin Ismail dari YTP. Sdr. Mohd. Rahimi Ramli Abd. Hadi selaku pengurus TASKI hadir bersama Pn. Umi Kalsom Ahmad, Penyelia TASKI beserta 5 orang lagi Ketua Guru dari 3 buah TASKI cawangan Kajang.

Secara keseluruhannya, terdapat 13 orang guru beserta seorang penyelia yang sedang berkhidmat di 5 buah cawangan TASKI dengan jumlah murid lebih 150 orang dan 10 buah kelas diwujudkan bagi menampung jumlah murid tersebut. Terdapat juga khidmat transit dan pra tafhib di salah satu cawangan TASKI Kajang.



Selain daripada itu, Lembaga TASKI Kajang diwujudkan dengan dipengerusikan oleh Ustazah Wan Habsah Wan Nek dan Sdr. Rahimi sebagai Naib Pengerusi dan guru-guru kanan sebagai ahli jawatankuasa bagi menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan semua TASKI Kajang.

Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah perluasan TASKI atau membuka cawangan baru TASKI yang agak sukar untuk direalisasikan kerana isu utamanya adalah sukar untuk mendapatkan guru. Guru TASKI yang kerap berhenti dan silih berganti menjadi isu untuk perluasan TASKI.

Selain itu, kualiti TASKI perlu dipertingkatkan dari semua segi luaran dan dalaman bagi menarik minat ibu bapa untuk memilih TASKI sebagai tempat pembelajaran anak-anak mereka. Perlu ada promosi di peringkat TASKI dan Kebangsaan bagi membantu kemasukan anak-anak ke TASKI selain dapat menyampaikan dakwah Islamiah dari peringkat akar umbi.

Laporan : Khairani Thanin

# PENGANJURAN NADWAH QIYADAH PELAJAR KEBANGSAAN 2022 (NAQIPK22)

Kemarau program latihan secara bersemuka akibat penangan Covid-19 amat dirasai sejak tahun 2019, sekurang-kurang 3 tahun tiada program secara bersemuka, namun tahun 2022 ini suasana beransur baik membolehkan program secara bersemuka dianjurkan semula, Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) mengambil kesempatan ini untuk mengerakkan Program Nadwah Qiyadah Pelajar Kebangsaan 2022 yang melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari 10 buah sekolah ABIM peringkat menengah di bawah seliaan YTP, dan turut menjemput 3 buah sekolah menengah yang dekat dengan YTP. Pada 2 September 2022, di sekolah Maahad Al-Ummah Chemor (MUC) program NAQIPK22 dimulakan secara rasmi dengan menerima pendaftaran seramai 132 peserta lelaki dan perempuan, diikuti dengan penyertaan 20 orang guru pengiring, dan dibantu oleh 14 fasilitator yang dikendalikan oleh ABIM Negeri Perak, dan Ketua Komandan khas kita bawakan dari Kuala Terengganu iaitu sdr. Mohd Khairul Ridhwan Adha bin Akhbar, yang merupakan jurulatih program-program tamrin jamaah sejak beliau di dalam PKPIM lagi.



NAQIPK22 adalah sebuah program kepimpinan peringkat pelajar sekolah menengah yang bertujuan menggilap potensi, memberi kefaamanan dan gambaran berkaitan idea-idea besar kepimpinan citra Al-Fateh, oleh itu kita menurunkan Presiden WADAH, Dato' Hj. Ahmad Azam Abd Rahman untuk mengupas tajuk tersebut. Kemudian kita membawa Presiden ABIM Sdr. Mohd Faisal Abd Aziz, Naib Presidennya Ust. Shazni Abdullah, dan SUA MBM, Sdr. Husnul Haniff Haron untuk membawa contoh-contoh kebaktian dan kebajikan yang sudah lama menjadi agenda dalam kegiatan ABIM selama ini. Presiden PKPIM juga, Sdr. Ahmad Farhan bin Rosli diturunkan untuk mengupas isu persiapan anak muda untuk menjadi pemimpin, dengan itu kita berjaya mempertemukan para peserta dengan kepimpinan WAP yang semasa, bukan sekadar bertaaruf sahaja, malah saling berintraksi dan bertukar fikiran.



Mereka juga diperkenalkan dengan program explorasi tadabbur alam dan survival yang di sempurnakan di The Lereng Resort, program ini dikendalikan sepenuhnya oleh YTP, Ketua Pengarah YTP, Tn. Hj. Mohd Musleh Yunos dan Tim. KP YTP Tn. Hj. Khailani Abd Jalil sendiri turun sebagai pembentang dan pengulas kepada aktiviti ini.

Para peserta digerakkan dengan berjalan kaki sekitar 2 kilometer ke belakang MUC, mereka menghabiskan sepanjang hari di sini dengan beraktiviti, explorasi, berbengkel, membentang, membuat unggun api untuk membakar ubi dalam kumpulan, makan tengah hari dan minum petang juga disediakan di The Lereng Resort, setelah solat asar barulah mereka bergerak keluar dan kembali ke MUC.

Pengisian terakhir pada malam tersebut adalah mengenali Mathurat sebagai pendamping sepanjang hayat, yang disampaikan oleh tokoh WAP negeri Perak, iaitu Ust. Hj. Tarmizi bin Hamid yang menekankan betapa pentingnya menjadikan Mathurat sebagai pendamping setiap orang yang ingin memimpin, kerana ia akan mendapat penjagaan



Allah yang maha kuasa apabila mengamalkannya.

Di dalam sesi terakhir NAQIPK22, para peserta diminta merangka satu Projek Menghasilkan Legasi di sekolah masing-masing, *direction* dan *guideline* telah disenaraikan dan dibentangkan oleh Pengarah NAQIPK22 sendiri, iaitu ustaz Mohd Naim bin Mohd Noor, yang hasilnya memperlihatkan kepada mereka satu pendedahan bagaimana merangka sesuatu projek yang bermanfaat dalam tempoh yang panjang.

Di dalam sesi penutupan NAQIPK22, disampaikan anugerah-anugerah cemerlang di peringkat individu dan kumpulan, dan 2 orang peserta terbaik yang terpilih di sepanjang program ini dirangkul kedua-duanya oleh peserta tuan rumah dari Maahad Al-Ummah Chemor.

Dan majlis penutup dirasmikan oleh KP YTP Tn. Hj. Mohd Musleh bin Yunos, yang merasai begitu teruja dengan program ini dan mengungkapkan lafaz syukur, tahniah, dan penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam penganjuran NAQIPK22, terutama tuan rumah yang dikepalai oleh ust. Abd Aziz bin Musa dengan teamnya yang bertungkus lumus menyediakan tempat program, penginapan, makanan dan lain-lain keperluan, pasukan YTP yang terdiri para pengarah seperti Hj. Samian, Dr. Khahar, puan Jannah dan 7 staf sepenuh masa yang berkampung di MUC sepanjang program, begitu juga ABIM Negeri, SERI Al-Ummah, MADAH, WADAH, KPIP yang turut bantu menjayakan program peringkat kebangsaan ini.

Dan harapan tertinggi dari program ini ialah para peserta dapat mengutip sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran, terutama dalam ilmu kepimpinan, berkerjasama, berdisiplin, berfikir, melontarkan idea yang bernes, merancang, mengadunkan idea-idea dari ahli, mentadabbur alam, mempraktikkan bagaimana menghidupkan unggu api yang boleh untuk membakar ubi sehingga masak, merangka projek, muhasabah dan lain-lain kemahiran yang dapat diambil secara tersurat atau tersirat.

Dengan itu sekali lagi YTP mengucapkan tahniah dan Syabas kepada semua yang terlibat menjayakan program NAQIPK22 sehingga bertemu lagi di tahun hadapan.



Laporan : Ustaz Mohd Naim Mohd Noor



***"Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."***

## PERISTIWA



**Serahan Tugas Pengetua SMI Johor Bahru oleh Ustaz Farhan Kepada Cikgu Syahida Shafudin (Mantan PK HEM SMIJB) Bermula Pada 19 September 2022**

**Mesyuarat SPRA bersama SRI Kafa (Tahfiz Al Ummah) Bangi di pejabat YTP pada 22/9/22. SRI Kafa diwakili oleh Tuan Hj Abdul Rahman Yasin, CEO, guru besar dan beberapa orang penyelia. Mesyuarat dipengerusikan oleh KP YTP Tuan Hj Mohd Musleh.**



**Bengkel Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Zon Utara 7-8 September 2022**



**Mesyuarat Ahli Lembaga Pegarah YTP Dipengerusikan Oleh Dato' Dr. Amin Senin di YTP Pada 24 September 2022 Bermula Dari Jam 10 hingga 2.30 Petang.**